

NOTA TEKNIKAL

1. PENGENALAN

- 1.1 Statistik yang diterbitkan dalam laporan ini adalah berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor *International Labour Organization (ILO)* dengan merujuk kepada *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods*.
- 1.2 Survei yang dijalankan setiap bulan ini menyediakan statistik tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran di peringkat nasional dan negeri serta kawasan bandar dan luar bandar. Pendekatan yang lengkap dan sistematik dalam pengumpulan dan prosesan data dikekalkan dari semasa ke semasa untuk mendapatkan perbandingan statistik siri masa.
- 1.3 Maklumat yang dikumpul melalui STB adalah mengikut peruntukan **Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)**. **Seksyen 6** di bawah Akta ini mengkehendaki mana-mana individu memberikan butiran maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada DOSM. Sementara itu, **Seksyen 7** Akta yang sama memperuntukkan denda kepada responden yang gagal memberi kerjasama dalam pelaksanaan penyiasatan oleh DOSM. Mengikut Akta ini, maklumat terperinci yang dikumpul adalah sulit dan hanya angka agregat diterbitkan.
- 1.4 Nota teknikal ini menyediakan penerangan terperinci mengenai konsep, definisi dan metodologi yang digunakan dalam pelaksanaan STB bagi membantu pengguna untuk memahami dengan lebih mendalam berkaitan maklumat pasaran buruh yang dipungut melalui pendekatan isi rumah.

2. OBJEKTIF SURVEI

- 2.1 Objektif utama STB ialah :
 - i. mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran; dan
 - ii. menyediakan statistik terkini berkaitan situasi pasaran buruh dari aspek penawaran tenaga buruh.
- 2.2 Statistik daripada survei ini digunakan terutamanya oleh Kerajaan sebagai input dalam merangka strategi pembangunan negara; serta oleh ahli ekonomi, ahli akademik, sektor swasta dan individu bagi tujuan penyelidikan dan analisis.

3. KAEADAH PENGUMPULAN DATA

- 3.1 STB menggunakan kaedah temu ramah bersemuka dengan responden. Dalam tempoh survei, penemuramah yang dilatih melawat isi rumah di tempat kediaman (TK) terpilih untuk memperoleh maklumat demografi semua ahli isi rumah dan maklumat terperinci berkaitan butir-butir tenaga buruh bagi ahli isi rumah yang berumur 15 tahun dan lebih.

- 3.2 Semakan kerja luar dibuat untuk mengesan kemungkinan maklumat tertinggal serta membetulkan sebarang kesilapan semasa survei ini dijalankan. Di samping itu, isi rumah terpilih juga ditemuramah semula untuk menyemak kualiti operasi pungutan data.
- 3.3 Sebanyak 25 peratus daripada panel ulangan terpilih ditemuramah menggunakan kaedah *Computer-Assisted Telephone Interviewing (CATI)*.

4. SOAL SELIDIK

- 4.1 Soal selidik survei telah direka bentuk untuk mengumpul maklumat yang relevan berkaitan ciri-ciri sosial dan demografi bagi populasi survei dan maklumat terperinci berkaitan ciri-ciri ekonomi tenaga buruh.
- 4.2 Semua ahli isi rumah akan ditanya maklumat berikut:
 - i. perhubungan dengan ketua isi rumah;
 - ii. jantina;
 - iii. umur;
 - iv. etnik dan kewarganegaraan;
 - v. taraf perkahwinan; dan
 - vi. pencapaian pendidikan.
- 4.3 Bagi ahli isi rumah yang berumur 15 tahun dan lebih, **taraf aktiviti** sama ada bekerja, menganggur atau di luar tenaga buruh akan ditentukan.
 - 4.3.1 Maklumat yang dikumpul bagi mereka yang bekerja adalah sama ada bekerja atau tidak semasa minggu rujukan, bilangan jam bekerja, pekerjaan, industri dan taraf pekerjaan. Sekiranya mereka bekerja kurang daripada 30 jam seminggu, sebab sebab dan kesanggupan menerima kerja tambahan juga diperoleh. Jika mereka tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi mempunyai pekerjaan untuk dikerjakan kembali, maka sebab-sebab tidak bekerja akan ditanya.
 - 4.3.2 Soalan-soalan berikut akan ditanya kepada ahli isi rumah yang menganggur:
 - i. tindakan yang telah diambil untuk mencari kerja;
 - ii. pengalaman bekerja; dan
 - iii. tempoh pengangguran.
 - 4.3.3 Ahli isi rumah yang dikelaskan sebagai di luar tenaga buruh pula akan diminta menyatakan sebab-sebab tidak mencari pekerjaan dan sama ada mempunyai pengalaman bekerja.

5. TEMPOH RUJUKAN

Tempoh rujukan survei merujuk kepada **tujuh hari (minggu)** sebelum tarikh permulaan temu ramah iaitu 1 - 7, 8 - 14 dan 15 - 21 hari bulan bagi bulan berkenaan.

6. SKOP DAN LIPUTAN

- 6.1 STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi daerah pentadbiran dalam semua negeri di Malaysia.
- 6.2 Definisi populasi survei meliputi penduduk yang tinggal di TK persendirian dan **tidak termasuk** mereka yang tinggal di TK institusi seperti hotel, asrama, hospital, penjara, rumah tumpangan dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.
- 6.3 Walaupun STB tidak meliputi penduduk yang tinggal di TK institusi, tiada pengubahsuaian dilakukan untuk mengasingkan penduduk yang tinggal di TK institusi daripada anggaran penduduk pertengahan tahun selepas banci. Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan 2010, penduduk yang tinggal di TK institusi adalah kurang daripada empat peratus daripada jumlah penduduk. Peratusan ini adalah kecil dan tidak mempengaruhi anggaran statistik tenaga buruh.
- 6.4 STB merangkumi penduduk yang aktif dan tidak aktif dalam ekonomi yang berumur **15 hingga 64 tahun**. Penduduk yang aktif dalam ekonomi terdiri daripada mereka yang bekerja atau menganggur, manakala mereka yang tidak aktif dikelaskan sebagai di luar tenaga buruh.

7. RANGKA PENSAMPELAN

- 7.1 Rangka yang digunakan bagi pemilihan sampel STB 2023 adalah berdasarkan Rangka Pensampelan Isi Rumah yang terdiri daripada blok penghitungan (BP) yang diwujudkan untuk pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan 2020 dan dikemas kini dari semasa ke semasa.
 - 7.2 BP merupakan suatu kawasan muka bumi yang diwujudkan untuk tujuan pelaksanaan operasi pungutan data yang secara puratanya mengandungi antara 80 hingga 120 TK. Semua BP dibentuk dalam lingkungan sempadan yang diwartakan iaitu di dalam daerah pentadbiran, mukim atau kawasan pihak berkuasa tempatan.
 - 7.3 BP dalam rangka pensampelan dikelaskan mengikut kawasan bandar dan luar bandar .
 - i. **Kawasan bandar**

Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk seramai 10,000 orang atau lebih semasa Banci Penduduk dan Perumahan 2020.
- **Kawasan tepu bina**

Kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan lebih) yang terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

Definisi kawasan bandar juga mengambil kira kawasan pembangunan khusus iaitu kawasan pembangunan yang tidak diwartakan dan boleh dikenal pasti serta terpisah dari kawasan yang diwartakan atau kawasan tumpu bina melebihi 5km dan mempunyai penduduk sekurang-kurangnya 10,000 orang dengan 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan lebih) terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

ii. **Kawasan luar bandar**

Kawasan selain yang diwartakan dan mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang serta kawasan yang tidak diwartakan.

- 7.4 Pembandaran merupakan proses yang dinamik dan sentiasa berubah mengikut kemajuan dan pembangunan. Oleh itu, kawasan bandar bagi Banci Penduduk dan Perumahan 2000 dan 2010 tidak semestinya merujuk kepada kawasan yang sama kerana kawasan yang memenuhi kriteria bandar akan terus bertambah dan berkembang mengikut masa.
- 7.5 Klasifikasi kawasan mengikut strata yang digunakan adalah seperti berikut:

Strata	Jumlah penduduk dalam kawasan yang diwartakan, tumpu bina dan kawasan pembangunan khusus
(i) Metropolitan	75,000 dan lebih
(ii) Bandar besar	10,000 hingga 74,999
(iii) Bandar kecil	1,000 hingga 9,999
(iv) Luar bandar	Kawasan selebihnya

- 7.6 Bagi tujuan pensampelan, klasifikasi kawasan seperti di perkara 7.5 adalah digunakan untuk semua negeri serta Wilayah Persekutuan. Bagi Sabah dan Sarawak, memandangkan masalah kesukaran untuk akses ke kawasan pedalaman, strata luar bandar dikembangkan lagi berdasarkan kepada jangka waktu yang diambil untuk sampai ke sesuatu tempat dari pusat bandar yang terdekat.

- 7.7 Bagi tujuan penjadualan laporan, strata-strata dicantumkan seperti berikut:

$$\text{Bandar} = \text{Metropolitan} + \text{Bandar besar}$$

$$\text{Luar bandar} = \text{Bandar kecil} + \text{Keseluruhan luar bandar}$$

8. REKA BENTUK PENSAMPELAN

- 8.1 Reka bentuk pensampelan berstrata dua peringkat telah digunakan. Pembentukan strata adalah seperti berikut:

Strata utama	Meliputi semua negeri di Malaysia
Strata kedua	Meliputi semua daerah pentadbiran mengikut negeri di Malaysia
Strata ketiga	Meliputi bandar dan luar bandar

- 8.2 Pemilihan sampel dilakukan pada peringkat BP dengan menggunakan kaedah Pensampelan Rawak Sistematik. Seterusnya sampel TK dipilih dari BP yang terpilih menggunakan kaedah sistematik melalui penjanaan nombor rawak dan menetapkan selang pemilihan supaya setiap TK mempunyai kebarangkalian yang sama untuk terpilih. Prosedur ini dilaksanakan secara teratur dan saintifik untuk menghasilkan sampel yang tidak pincang (unbiased) dan boleh mewakili keseluruhan populasi isi rumah di Malaysia.

9. SAIZ SAMPEL

- 9.1 Saiz sampel survei perlu mewakili populasi mengikut keperluan peringkat analisis yang ditetapkan. Saiz sampel survei ini telah mengambil kira elemen berikut:

- i. peringkat reka bentuk pensampelan;
- ii. kadar penyertaan tenaga buruh;
- iii. ralat yang disasarkan ; dan
- iv. kadar respons .

Faktor yang dipertimbangkan bagi memuktamadkan saiz sampel adalah kos, masa dan sumber manusia.

- 9.2 Agihan saiz sampel dalam STB 2023 adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan BP Terpilih	Bilangan TK Terpilih
Johor	1,164	9,312
Kedah	1,020	8,160
Kelantan	792	6,336
Melaka	468	3,744
Negeri Sembilan	732	5,856
Pahang	936	7,488
Pulau Pinang	660	5,280
Perak	1,080	8,640

Perlis	276	2,208
Selangor	1,140	9,120
Terengganu	684	5,472
Sabah	1,452	11,616
Sarawak	1,500	12,000
W.P. Kuala Lumpur	456	3,648
W.P. Labuan	132	1,056
W.P. Putrajaya	156	1,248
Malaysia	12,648	101,184

10. PROSEDUR PENGANGGARAN

- 10.1 Anggaran penduduk semasa mengikut ciri-ciri kumpulan umur, jantina, kewarganegaraan, etnik dan negeri digunakan sebagai penanda aras dalam penyediaan statistik tenaga buruh melalui **teknik anggaran nisbah bergabung** iaitu *adjusted weight* dan faktor penduduk.
- i. **Adjusted weight**
Adjusted weight digunakan bagi mengambil kira kes tidak respons.
 - ii. **Faktor penduduk**
Dalam reka bentuk pensampelan berperingkat, saiz sampel adalah bolehubah rawak dan jumlah agregat yang dianggar daripada penyiasatan boleh menghasilkan ralat pensampelan yang tinggi. Wajaran external digunakan untuk memberikan ralat pensampelan yang minimum. Wajaran external yang digunakan dalam Survei Tenaga Buruh ialah faktor penduduk. Faktor penduduk diperoleh melalui anggaran terkini jumlah penduduk yang mana ia digunakan untuk mengubahsuai kadar dan nisbah yang dianggarkan daripada survei.
- 10.2 Dua jenis statistik penduduk disediakan oleh DOSM iaitu:
- i. **Unjuran penduduk** bagi menunjukkan saiz dan struktur penduduk jangka panjang berasaskan andaian tertentu mengenai trend kesuburan, mortaliti dan migrasi. Statistik ini digunakan sebagai input dalam membuat perancangan dan penggubalan dasar pada masa hadapan.
 - ii. **Anggaran penduduk** semasa bagi menggambarkan saiz populasi pada masa kini dan disediakan secara tahunan berasaskan data semasa kelahiran, kematian dan migrasi.

- 10.3 Bermula STB 2023, statistik tenaga buruh dianggarkan berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan 2020 terkini. Oleh itu, siri data bagi 2020-2022 disemak semula berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini.

11. KONSEP DAN DEFINISI

- 11.1 Had umur bekerja bagi sesebuah negara ditentukan berdasarkan struktur umur penduduk negara tersebut yang aktif dalam ekonomi. Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isi rumah yang berumur **15 hingga 64 tahun** semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh .
- 11.2 STB menggunakan pendekatan **taraf sebenar** yang mana seseorang itu dikelaskan berasaskan kegiatannya dalam tenaga buruh semasa minggu rujukan. Taraf aktiviti ini terbahagi kepada kategori berikut:
- i. **Tenaga buruh**
Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja sama ada **bekerja** atau **menganggur**.
 - ii. **Bekerja**
Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji. Mereka juga dianggap bekerja jika:
 - a. tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, tiada upaya, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
 - b. tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.
 - c. Bekerja **kurang daripada 30 jam** semasa minggu rujukan disebabkan bentuk kerja atau disebabkan kurang kerja dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Kumpulan ini merupakan guna tenaga tidak penuh.
 - d. Mereka yang bekerja dalam kategori guna tenaga tidak penuh:
 - **guna tenaga tidak penuh berkaitan masa** merupakan kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja.

- **guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran** merujuk kepada mereka yang mempunyai pendidikan tertiari dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.

Mereka yang bekerja **lebih daripada 30 jam** semasa minggu rujukan merupakan **guna tenaga penuh**.

iii. **Menganggur**

Penganggur adalah mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

Penganggur aktif adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.

Penganggur tidak aktif adalah mereka yang berada dalam kategori berikut:

- a. tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkelayakan;
- b. mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan
- c. telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.

iv. **Luar tenaga buruh**

Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

11.3 **Jam bekerja**

Merujuk kepada jumlah jam bekerja semasa tempoh rujukan.

11.4 **Tempat kediaman**

Tempat kediaman adalah suatu struktur yang dibina **berasingan** dan **bebas** yang lazimnya digunakan sebagai tempat tinggal.

i. **Berasingan**

Struktur dianggap berasingan jika ia dikelilingi oleh dinding, pagar dan lain-lain serta ditutupi oleh bumbung.

ii. **Bebas**

Struktur dikatakan bebas apabila ia mempunyai jalan masuk terus dari laluan umum, tempat lalu lintas atau ruang lapang (iaitu penghuni boleh masuk atau keluar dari tempat kediaman mereka tanpa melalui perkarangan orang lain).

11.5 **Isi rumah**

Seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dalam satu **tempat kediaman** serta membuat peruntukan (perbelanjaan)

secara bersama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.

11.6 Ahli biasa

Ahli biasa ialah ahli yang telah atau akan tinggal di tempat kediaman terpilih bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan.

11.7 Kumpulan etnik

Kumpulan etnik dikategorikan di kalangan warganegara Malaysia setelah mengasingkan bukan warganegara. Pengelasan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia
 - a. Bumiputera
 - b. Cina
 - c. India
 - d. Lain-lain
- ii. Bukan warganegara Malaysia

11.8 Taraf perkahwinan

i. Tidak pernah berkahwin

Merujuk kepada mereka yang belum pernah berkahwin pada masa temu ramah.

ii. Berkahwin

Merujuk kepada mereka yang masih berkahwin pada masa temu ramah. Istilah ‘perkahwinan’ adalah termasuk perkahwinan mengikut undang-undang atau peraturan keagamaan atau pun tinggal bersama atas persetujuan bersama.

iii. Balu/ duda

Merujuk kepada mereka yang belum berkahwin semula selepas kematian suami/ isteri pada masa temu ramah.

iv. Bercerai/ berpisah tetap

Merujuk kepada mereka yang perkahwinannya telah dimansuhkan melalui perceraian mengikut undang-undang atau peraturan keagamaan atau tidak lagi tinggal bersama bagi satu jangka masa yang lama dan tiada kemungkinan untuk bersatu semula.

11.9 Pencapaian pendidikan

Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi dan dikategorikan seperti berikut:

i. Tiada pendidikan rasmi

Merujuk kepada mereka yang tidak pernah menghadiri mana-mana institusi pendidikan yang memberi pendidikan secara rasmi.

ii. **Rendah**

Merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi di peringkat Tahun 1 hingga 6 atau yang setaraf.

iii. **Menengah**

Merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi di peringkat Tingkatan 1 hingga 5 (termasuk kelas peralihan), *General Certificate of Education (GCE) O Level* atau yang setaraf. Ini termasuk program kemahiran asas di institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal dengan tempoh pengajian sekurang-kurangnya enam bulan.

iv. **Tertiari**

Merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi selepas Tingkatan 5.

11.10 Sijil tertinggi diperoleh

Merujuk kepada sijil tertinggi diperoleh daripada institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi dan disesuaikan berdasarkan ***International Standard Classification of Education (ISCED-97)*** seperti berikut:

i. **UPSR/ UPSRA atau yang setaraf**

Merujuk kepada Ujian Penilaian Sekolah Rendah/Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama atau yang setaraf.

ii. **PT3/ PMR/ SRP/ LCE/ SRA atau yang setaraf**

Merujuk kepada Pentaksiran Tingkatan 3, Penilaian Menengah Rendah, Sijil Rendah Pelajaran, *Lower Certificate of Education*, Sijil Rendah Agama atau yang setaraf.

iii. **SPM atau yang setaraf**

Merujuk kepada Sijil Pelajaran Malaysia atau yang setaraf (*Senior Cambridge Certificate, GCE O Level* dan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia). Ini termasuk sijil kemahiran asas yang diperoleh daripada institusi latihan teknikal dan kemahiran khusus yang mana tempoh pengajian adalah sekurang-kurangnya enam bulan seperti sijil GIATMARA.

iv. **STPM atau yang setaraf**

Merujuk kepada Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, *Higher School Certificate* atau kelulusan yang setaraf (Sijil Tinggi Agama dan GCE A Level).

v. **Sijil**

Merujuk kepada sijil yang diperoleh daripada kolej, politeknik atau institusi-institusi lain yang menawarkan pendidikan rasmi. Tempoh pensijilan adalah tidak kurang dari enam bulan.

vi. **Diploma**

Merujuk kepada diploma atau sijil yang setaraf dengannya dan diperoleh selepas kategori iii, iv atau v daripada universiti, kolej, maktab atau politeknik sebelum peringkat ijazah.

vii. **Ijazah**

Merujuk kepada ijazah (Ijazah Sarjana Muda, Sarjana atau Doktor Falsafah) yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi awam atau swasta atau yang setaraf.

viii. **Tiada sijil**

Merujuk kepada mereka yang masih bersekolah atau telah tamat persekolahan tanpa memperoleh sebarang sijil.

ix. **Tidak berkenaan**

Merujuk kepada mereka yang tiada pendidikan rasmi.

11.11 Taraf pekerjaan

Merujuk kepada **kedudukan atau taraf** seseorang yang bekerja di dalam pertubuhan atau organisasi di mana beliau bekerja dan disesuaikan berasaskan *International Classification of Status in Employment (ICSE-93)*. Penduduk bekerja dikelaskan mengikut taraf pekerjaan seperti berikut:

i. **Majikan**

Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, perusahaan ladang atau perniagaan lain dan menggaji seorang pekerja atau lebih untuk menolongnya.

ii. **Pekerja**

Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran berbentuk mata benda.

iii. **Bekerja sendiri**

Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya.

iv. **Pekerja keluarga tanpa gaji**

Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain.

11.12 Pekerjaan

i. Pekerjaan bagi data STB 2011–2015 dikelaskan mengikut klasifikasi **Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2008** berasaskan *International Standard Classification of Occupations (ISCO - 08)* seperti berikut:

- 2 – Profesional
 - 3 – Juruteknik dan profesional bersekutu
 - 4 – Pekerja sokongan perkeranian
 - 5 – Pekerja perkhidmatan dan jualan
 - 6 – Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan
 - 7 – Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan
 - 8 – Operator loji dan mesin serta pemasang
 - 9 – Pekerjaan asas
- ii. Mulai data STB 2022, pekerjaan dikelaskan mengikut **MASCO 2020** yang masih lagi berasaskan ISCO - 08 tetapi ditambahbaik selaras dengan transformasi proses kerja, bidang pengkhususan suatu tugas dan kemahiran yang lebih kompleks dan dinamik. Pengelasan pekerjaan berasaskan MASCO 2020 adalah seperti berikut:
- 1 – Pengurus
 - 2 – Profesional
 - 3 – Juruteknik dan profesional bersekutu
 - 4 – Pekerja sokongan perkeranian
 - 5 – Pekerja perkhidmatan dan jualan
 - 6 – Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan, dan perikanan
 - 7 – Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan
 - 8 – Operator mesin dan loji, dan pemasang
 - 9 – Pekerja asas
- iii. Bagi seseorang yang mempunyai lebih daripada satu pekerjaan, hanya **pekerjaan yang mengambil masa terbanyak** semasa tempoh rujukan dianggap sebagai **pekerjaan utamanya**. Jika masa bekerja bagi tiap-tiap pekerjaan itu sama, maka pekerjaan yang menghasilkan pendapatan tertinggi adalah pekerjaan utamanya. Dalam kes di mana bilangan jam bekerja dan pendapatannya adalah sama bagi setiap pekerjaan, pekerjaan di mana dia telah bekerja paling lama dianggap sebagai pekerjaan utamanya.

11.13 Industri

- i. Industri dikelaskan mengikut **Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 versi 1.0** berasaskan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC) Revision 4*.
- ii. Pengelasan industri seseorang merujuk kepada yang berkaitan dengan pekerjaan utamanya.
- iii. STB tidak mengelaskan aktiviti pengeluaran barang dan perkhidmatan sara hidup untuk kegunaan isi rumah sendiri sebagai penduduk yang aktif dalam ekonomi. Oleh itu, klasifikasi MSIC 2008 bagi industri **Aktiviti isi rumah sebagai majikan; aktiviti mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri** hanya mengambil kira **Aktiviti isi rumah sebagai majikan**.

- iv. Sektor dalam ringkasan penemuan di muka surat 8 merupakan klasifikasi semula industri seperti berikut:

Sektor	MSIC 2008
Pertanian	Pertanian, perhutanan dan perikanan
Perlombongan & pengkuarian	Perlombongan dan pengkuarian
Pembuatan	Pembuatan
Pembinaan	Pembinaan
Perkhidmatan	Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara
	Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan
	Perdagangan borong dan runcit; pemberian kenderaan bermotor dan motosikal
	Pengangkutan dan penyimpanan
	Penginapan dan aktiviti Perkhidmatan makanan dan minuman
	Maklumat dan komunikasi
	Aktiviti kewangan dan insurans/takaful
	Aktiviti hartanah
	Aktiviti professional, saintifik dan teknikal
	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan
	Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib
	Pendidikan
	Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial
	Kesenian, hiburan dan rekreasi
	Aktiviti perkhidmatan lain
	Aktiviti isi rumah sebagai majikan
	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah

11.14 Kadar penyertaan tenaga buruh

Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi. Dengan itu, pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut. Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai **kadar penyertaan tenaga buruh**.

Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja (15 - 64 tahun) dalam bentuk peratusan. Formulanya adalah seperti berikut:

$$\text{Kadar penyertaan tenaga buruh} = \frac{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}}{\text{Bilangan penduduk umur bekerja} (15 - 64 tahun)} \times 100$$

11.15 Kadar pengangguran

Kadar pengangguran ialah perkadarhan penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh. Kadar ini mengukur peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja. Kadar pengangguran dikira menggunakan formula berikut:

$$\text{Kadar pengangguran} = \frac{\text{Bilangan penganggur}}{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}} \times 100$$

11.16 Nisbah guna tenaga kepada penduduk

Nisbah guna tenaga kepada penduduk adalah perkadarhan penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja. Nisbah yang tinggi menunjukkan perkadarhan penduduk bekerja yang tinggi bagi negara manakala nisbah yang rendah menunjukkan sebahagian besar daripada penduduk tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti pasaran kerana menganggur atau berada di luar tenaga buruh. Formulanya adalah seperti berikut:

$$\text{Nisbah guna tenaga kepada penduduk} = \frac{\text{Bilangan penduduk bekerja}}{\text{Bilangan penduduk umur bekerja} (15 - 64 tahun)} \times 100$$

12. KEBOLEHPERCAYAAN STATISTIK

Statistik yang dijana berdasarkan survei yang dijalankan secara sampel berkebarangkalian ini tertakluk kepada dua jenis ralat iaitu ralat pensampelan dan ralat bukan pensampelan.

i. Ralat pensampelan

Ralat pensampelan berpunca daripada anggaran data berdasarkan survei sampel berkebarangkalian berbanding populasi. Ralat ini boleh diukur dengan menggunakan **Ralat Piaui Relatif (Relative Standard Error [RSE])** dan dinyatakan dalam bentuk peratusan. Ia digunakan sebagai penunjuk kepada kepersisan anggaran parameter yang dikaji. Ini memberi gambaran tahap variasi pembolehubah yang dianggarkan melalui survei berbanding dengan parameter populasi.

Anggaran ralat pensampelan telah dikira secara berasingan untuk beberapa pembolehubah penting bagi peringkat nasional dan negeri seperti di Jadual S1 hingga S3. Sebagai contoh, berasaskan STB 2023, kadar penyertaan tenaga buruh Malaysia ialah 70.0 peratus, dengan RSE 0.15 peratus, iaitu ralat piaui (Standard Error) ialah 0.22 peratus. Pada 95 peratus selang keyakinan ($\alpha = 0.05$), kadar penyertaan tenaga buruh berada di antara 69.8 - 70.4 peratus.

ii. **Ralat bukan pensampelan**

Ralat ini boleh berpunca daripada liputan survei yang tidak lengkap, kelemahan rangka, ralat maklum balas, tiada respons dan kesilapan semasa prosesan sama ada di peringkat penyuntingan, pengekodan atau tangkapan data. Bagi memastikan kualiti data berada pada tahap yang tinggi, beberapa langkah pentadbiran telah diambil supaya ralat bukan pensampelan adalah di tahap minimum. Antaranya adalah melalui latihan intensif kepada penyelia dan penemuramah. Selain itu, penyeliaan yang rapi dan semakan kualiti secara rawak dijalankan ke atas isi rumah yang diliputi untuk memastikan kesahihan maklum balas yang dicatatkan.

Bagi mengatasi kes tiada respons yang berpunca daripada beberapa sebab seperti TK kosong, tiada penghuni di rumah, enggan kerjasama atau TK tidak layak diliputi dalam survei, maka penganggaran saiz sampel survei ini telah mengambil kira semua kemungkinan tersebut.

Pengemaskinian rangka pensampelan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa telah dapat mengurangkan kadar tiada respons yang berpunca daripada TK kosong. Publisiti yang meluas dilaksanakan melalui media elektronik serta media cetak bagi mengurangkan kes tiada penghuni di rumah dan enggan kerjasama.

Di peringkat prosesan data, semakan konsistensi bagi setiap pembolehubah dan proses validasi telah dilaksanakan secara sistematik bagi meminimumkan kesemua jenis ralat bukan pensampelan.

13. PERSEMBAHAN STATISTIK

13.1 Statistik di dalam laporan ini dipersembahkan pada peringkat nasional dan negeri. Statistik di peringkat nasional meliputi tajuk berikut:

- i. kadar penyertaan tenaga buruh;
- ii. tenaga buruh;
- iii. nisbah guna tenaga kepada penduduk
- iv. penduduk bekerja;
- v. kadar pengangguran;
- vi. pengangguran; dan
- vii. penduduk luar tenaga buruh.

Statistik peringkat negeri yang disusun dalam laporan ini terdiri daripada tiga belas buah negeri dan tiga Wilayah Persekutuan meliputi tajuk berikut:

- i. kadar penyertaan tenaga buruh;
- ii. tenaga buruh;
- iii. nisbah guna tenaga kepada penduduk; dan
- iv. penduduk bekerja.

- 13.2 Siri masa 1982 - 2023 memaparkan statistik utama tenaga buruh. Tiada data bagi tahun 1991 dan 1994 kerana STB tidak dilaksanakan pada tahun berkenaan. Manakala, siri masa 2013 - 2023 memaparkan statistik KPTB, tenaga buruh dan penduduk bekerja mengikut ciri-ciri demografi dan sosioekonomi terpilih.

14. PEMBUNDARAN ANGGARAN

Hasil tambah bagi sesuatu kategori mungkin tidak sentiasa sama dengan jumlah yang ditunjukkan dalam jadual yang berkaitan kerana pembundaran secara bebas kepada satu titik perpuluhan. Walau bagaimanapun, perbezaan ini tidak ketara.

15. STATISTIK GUNA TENAGA

Statistik yang dilaporkan dalam penerbitan ini adalah berasaskan STB 2023. Ringkasan statistik bulanan juga diterbitkan dalam Laporan Statistik Tenaga Buruh Bulanan. Statistik guna tenaga dari aspek permintaan juga boleh diperoleh daripada survei ekonomi. Walau bagaimanapun, konsep, definisi dan metodologi survei yang digunakan adalah berbeza berbanding STB.

16. NOTA DAN SIMBOL

- Kosong/ tiada kes
- 0.0 Kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan. Misalnya, kurang daripada 0.05 peratus.
- W.P. Wilayah Persekutuan
- r Semakan semula berdasarkan anggaran semasa penduduk daripada Banci Penduduk dan Perumahan 2020

TECHNICAL NOTES

1. INTRODUCTION

- 1.1 *The statistics published in this report is based on Labour Force Survey (LFS) conducted by Department of Statistics, Malaysia. The implementation of LFS is based on guidelines and recommendations of the International Labour Organization (ILO) with reference to the Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods.*
- 1.2 *The survey which is carried out every month provided statistics of labour force, employment and unemployment at the national and state levels as well as urban and rural areas. The comprehensive and systematic approach in data collection and processing has been maintained over a period of time in order to obtain comparable time series statistics.*
- 1.3 *The information obtained from LFS is gathered under the provisions of the **Statistics Act 1965 (Revised 1989)**. Section 6 of this Act requires any individuals to provide actual information or best estimates to DOSM. Meanwhile, Section 7 of this Act allows respondents whom refuse to cooperate in the undertaking of the survey to be penalised. The Act stipulated that the detailed information gathered is confidential and only aggregated figures are published.*
